

# Vivian: SG perlu kuasai teknologi baru untuk kekal relevan

►NORMAN SAWI  
normans@sph.com.sg

SINGAPURA perlu kekal relevan dalam era baru yang terjejas dengan teknologi dengan menguasai perubahan ini, sebagaimana yang telah ia lakukan sejak dahulu lagi.

Justeru, bagi merebut peluang dalam data besar dan teknologi bijak, Singapura perlu sentiasa terbuka kepada rakan asing, menyokong hubungan antara negara yang berdasarkan undang-undang antarabangsa, dan berurusan dengan negara lain secara berprinsip dan tidak berpihak, kata Menteri Ehwat Luar, Dr Vivian Balakrishnan.

"Singapura tidak akan menjadi kuasa besar di dunia.

"Tetapi kita perlu menguasai teknologi jika kita ingin kekal berjaya dan memelihara kebebasan kita untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan kita sendiri sebagai negara berdaulat, di masa depan," kata Dr Balakrishnan dalam ucapannya di sidang *Perspektif Singapura 2019: Singapura.Dunia* semalam.

Menurut Dr Balakrishnan, yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Inisiatif Negara Bijak, pencapaian teknologi utama biasanya menyebabkan perubahan besar dalam ekonomi yang menjejaskan masyarakat dan politik.

Perkembangan itu, ujar Dr Balakrishnan, boleh menjejaskan keseimbangan kuasa di dunia.

"Perkara ini pernah berlaku, dan ia akan berulang, tetapi secara lebih pantas dan oleh pihak yang berbeza," ujar Dr Balakrishnan, yang memberikan contoh Revolusi Perusahaan pada awal kurun ke-19, revolusi perkilangan dalam sektor penghasilan kereta, dan gelombang penjeyatan yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua.

Dr Balakrishnan menentang tiga usulan utama bagi membantu Singapura mengatasi cabaran dan seterusnya merebut peluang yang dicetus teknologi – supaya Singapura menjadi kekal terbuka dan bekerjasama dengan semua pihak yang ingin berbuat demikian; terus berurusan dengan kuasa besar dengan cara yang berdisiplin, berprinsip dan tanpa berpihak; serta menyokong aturan dunia berdasarkan undang-undang antarabangsa.



REBUT PELUANG BARU, KONSISTEN DALAM DASAR ASING: Dr Balakrishnan (kiri) berkata Singapura perlu merebut peluang yang mengiringi cabaran ekonomi yang dijejas teknologi dan ia boleh kekal berjaya dan berpengaruh jika ia terus berbuat demikian, semasa menyertai sesi dialog di sidang IPS semalam. Bersamanya ialah pengarah IPS, Encik Janadas Devan. – Foto-foto BH oleh CHONG JUN LIANG

"Singapura tidak akan menjadi kuasa besar di dunia. Tetapi kita perlu menguasai teknologi jika kita ingin kekal berjaya dan memelihara kebebasan kita untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan kita sendiri sebagai negara berdaulat, di masa depan."

– Menteri Ehwat Luar, Dr Vivian Balakrishnan.

Menurut Dr Balakrishnan, Singapura boleh kekal berjaya jika ia bertindak sewajarnya dan membuat pilihan yang bijak.

"Kita pernah melakukannya sebelum ini, dengan merebut gelombang *offshore* semasa kita mendakap perusahaan pada tahun 1960-an.

"Pada tahun 1970-an, kita membuat keputusan betul untuk menumpukan usaha pada pengurusan logistik," kata Dr Balakrishnan.

"Kini, kita boleh melakukannya lagi dengan data besar dan teknologi bijak."

Sidang tahunan yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) itu diadakan di Marina Bay Sands dan bertujuan membincangkan perkembangan geopolitik dan kesannya terhadap Singapura dan rantau ini.

Dr Balakrishnan, yang menyertai sekitar 1,200 peserta di sidang itu, juga menyertai sesi dialog di akhir program sehari itu.

Menjawab soalan berkenaan tatalaku Singapura apabila berurusan dengan negara lebih besar dan lebih berpengaruh, Dr Balakrishnan berkata Singapura perlu berdisiplin dan bertindak secara konsisten.

"Kita perlu berupaya berkata tidak dari masa ke masa dengan cara yang berprinsip dan berdisiplin, dengan berpandukan undang-undang antarabangsa.

"Kita perlu berhadapan berkata tidak kepada jiran-jiran dan sebarang kuasa besar, jika permintaan mereka tidak munasabah atau melanggar undang-undang antarabangsa," kata Dr Balakrishnan.



SERTAI SIDANG: Sekitar 1,200 peserta hadir di sidang *Perspektif Singapura 2019: Singapura.Dunia* di Marina Bay Sands semalam.

## 'Asean yang kuat bantu anggota saingi kuasa lebih besar'

ASEAN yang kuat boleh melindungi anggotanya daripada kesan persaingan antara kuasa lebih besar.

Justeru, walau beberapa pertikaian timbul antara anggotanya dari masa ke masa, adalah penting bagi negara-negara di Asia Tenggara untuk terus bersatu, kata Encik George Yeo, mantan Menteri Ehwat Luar Singapura (*gambar kanan*).

Menekankan demikian dalam ucapannya di sidang *Perspektif Singapura 2019: Singapura.Dunia* semalam, Encik Yeo, berkata:

"Kelembutan dalam cara Asean (menangani masalah) mempermudah usaha mencari huraian bagi masalah sukar.

"Pertemuan yang kerap diadakan antara pemimpin, menteri dan pegawai juga memberi kedudukan tinggi bagi persahabatan dan sifat bertolak ansur," kata Encik Yeo, bercakap sebagai anggota panel yang membincangkan kedudukan Singapura di dunia.

Panel itu dipengerusikan oleh Duta Kelana Profesor Tommy Koh.

Encik Yeo memberi contoh pertikaian sempadan antara Thailand dengan Kemboja berhubung kuil Preah Vihear – yang dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan telah dihuraikan; konflik etnik di wilayah Rakhine di Myanmar; dan isu ruang udara dan kelautan antara Singapura dengan Malaysia baru-baru ini, sebagai perkara yang tidak seharusnya



nya menjejaskan perpaduan antara negara-negara Asean.

Menurut Encik Yeo, peri penting Asean yang kuat kepada Singapura tidak boleh diremehkan.

"Ia (Asean) memperluas pengaruh bersama kita (negara-negara anggota) dalam rantau lebih besar," kata Encik Yeo yang berkata Asean begitu penting dalam pembentukan

dasar luar Singapura.

Dalam pada itu, rundingan bagi menghuraikan perang dagangan antara Amerika Syarikat dengan China dijangka berjaya kerana China "akan memenuhi sehingga 80 peratus permintaan Amerika" kata Encik Yeo.

"Ia bukan kerana mereka takut atau bersifat murah hati, tetapi mereka tahu masa menyebelahi mereka, kata Encik Yeo, bercakap kepada 1,200 peserta sidang yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) itu.

"Mereka tahu, dalam setiap bidang, mereka sedang maju secara perlahan, mengikut kekuatan sendiri," tambah Encik Yeo.

Namun, kata Encik Yeo, persaingan antara kedua-dua kuasa besar itu akan berterusan sehingga Amerika yakin China bersifat berbeza daripada dirinya sendiri atau Soviet Union, sesuatu proses yang memakan masa.

China juga perlu memainkan peranan untuk menyakinkan negara lain bahawa ia berpandukan cara pengurusan yang defensif.

Menurut Encik Yeo, 11 negara yang disatukan di bawah perjanjian perdagangan Perjanjian Progressif dan Menyeluruh bagi Kerjasama Rentas Pasifik (CPTPP) – edisi kedua perjanjian selepas Amerika menarik diri – boleh mendesak China untuk menyertai perjanjian itu bagi menggalak Amerika menarik balik keputusannya.

"TPP yang melibatkan China adalah satu masalah bagi Amerika," kata Encik Yeo.

## Parti pembangkang diberitahu isu dasar asing demi wujudkan perpaduan nasional

PIHAK pembangkang di Parlimen diberitahu tentang isu-isu berhubung dasar asing yang berkepentingan nasional dan setakat ini, mereka telah mengemukakan perbezaan politik dan sehaluan dengan pemerintah, kata Menteri Ehwat Luar Dr Vivian Balakrishnan.

"Kami bukan sahaja meluahkan masa yang banyak dalam Kabinet, untuk berbincang dengan perdana menteri dan menteri lain, tentang isu dasar asing yang penting, malah, saya berkongsi maklumat dengan pihak pembangkang (di luar sidang Parlimen).

"Saya berbuat demikian kerana di luar Singapura, tiada jurang (antara pihak pembangkang dengan pemerintah)," dedah Dr Balakrishnan.

Dr Balakrishnan berkata demikian semasa menjawab soalan yang diajukan Pengarah Institut Pengajian Dasar

(IPS), Encik Janadas Devan, tentang cara yang boleh dilakukan di Singapura untuk mengekalkan perpaduan dan kekal bersatu dalam menghadapi cabaran dunia yang baru.

"Bolehkah kita mengekalkan keadaan ini?"

"Saya akan berusaha seberapa yang mampu untuk berbuat demikian kerana Singapura terlalu kecil dan kita tidak mampu (mempunyai Parlimen) yang berdolok-dalik sebagaimana yang berlaku di beberapa negara lain," kata Dr Balakrishnan.

"Bagi saya, adalah lebih baik untuk berkongsi maklumat secara dua pihak, daripada menunjukkan kita tidak sehaluan (tentang dasar asing) kepada awam.

"Pihak pembangkang telah memainkan peranan mereka dan kami telah berkongsi keadaan dengan mereka," tambah beliau.